

# PERSAINGAN ANTARA SPESIES DALAM NOVEL SARAWAK<sup>1</sup> (*COMPETITION BETWEEN SPECIES IN SOME SARAWAK NOVELS*<sup>2</sup>)

Maharam Mamat

## Abstrak

Novel-novel yang dihasilkan penulis Sarawak kaya dengan unsur, dan isu berkaitan alam sekitar. Kajian ini akan meneliti persaingan antara spesies yang diterapkan pengarang negeri Sarawak dalam novel mereka seperti Jong Chian Lai, Hamlin Abolhi, Jais Sahok, Dahiri Saini, Jaya Ramba, Sarimah Alit, Mohamad Faisal Jamil, Idris Boi, dan Amil Jaya. Persaingan antara spesies yang dikaji melibatkan persaingan antara spesies yang sama dan persaingan antara spesies yang berbeza. Ia merangkumi persaingan antara manusia dan manusia, manusia dan alam, dan akhirnya melibatkan persaingan antara manusia dan Tuhan. Berdasar kajian ini, didapati bahawa persaingan yang wujud dalam novel-novel kajian didorong oleh kepentingan dan keperluan untuk meneruskan kehidupan. Penindasan dan kekejaman berlaku dalam persaingan apabila keperluan atau kehendak spesies tertentu berada dalam situasi terganggu. Persaingan yang bersifat penindasan seperti parasit pula berlaku semasa penjajahan kuasa Barat dan Jepun.

**Kata kunci:** persaingan antara spesies, *ecocriticism*, penulis Sarawak, novel Melayu, Kesusasteraan Melayu

## Abstract

*Novels by Sarawak writers are replete with environmental themes and issues. This article studies competition between species that Sarawak*

---

<sup>1</sup> Maharam Mamat adalah pensyarah di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia yang membuat penyelidikan tentang sastera dan alam sekitar.

<sup>2</sup> Maharam Mamat, a lecturer at the Centre for General Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia is doing research on literature and the environment.

writers depict in their novels, such as Jong Chian Lai, Hamlin Abolhi, Jais Sahok, Dahiri Saini, Jaya Ramba, Sarimah Alit, Mohamad Faisal Jamil, Idris Boi, and Amil Jaya. Competition between species includes competition among those of the same species, as well as competition between different ones. It encompasses competition among humans and invariably between humans and nature, between humans and God. This study finds that the competition depicted in the novels are mainly driven by interests and the need for survival. Whenever particular need or interest is threatened, oppressive and cruel competition will transpire. Such oppressive and exploitative competition, as with parasites, characterized Western and Japanese colonialism.

**Keywords:** competition between species, ecocriticism, Sarawak author, Malay novel, Malay literature

## **Pengenalan**

Kajian terhadap karya sastera Melayu terutama karya-karya dari penulis negeri Sarawak dari sudut persaingan antara spesies belum pernah dibuat setakat ini walaupun kajian terhadap penulis-penulis negeri ini mula mendapat perhatian para pengkritik. Persaingan antara spesies merupakan antara isu alam sekitar yang boleh diketengahkan apabila membuat penelitian terhadap karya-karya penulis Sarawak.

Sarawak mempunyai bilangan penulis berbakat yang ramai tetapi karya-karya mereka seakan tidak disedari kehadirannya oleh khalayak dan pengkritik kecuali beberapa nama seperti Jong Chian Lai, Jaya Ramba, Amil Jaya dan beberapa nama lain. Pengkritik pula sukar menembusi aspek sosiobudaya yang sering menjadi latar setiap karya mereka, kecuali beberapa pengkritik yang berasal dari Bumi Kenyalang ini seperti Awang Azman Awang Pawi, Jeniri Amir, Hamzah Hamdani, Abang Haliman Abang Julai, Hazami Jahari, Saiee Driss, Zaini Ozea dan beberapa nama lain. Pengkritik-pengkritik dari Bumi Kenyalang ini banyak mengangkat nama penulis-penulis Sarawak sehingga dikenali nama dan karyanya ke peringkat kebangsaan.

## **Definisi Spesies**

Katiman Rostam & Asmah Ahmad (2006) menyatakan spesies adalah sekumpulan organisma yang sama jenis, boleh membiak apabila dikahwinkan antara satu sama lain dan dapat melahirkan baka atau anak

yang subur untuk terus hidup. Ia berkait rapat dengan taburan, kepadatan dan pertumbuhan organisma. Pendapat ini juga sejajar dengan *Kamus Dewan* (2004) yang mendefinisikan spesies sebagai golongan benda (binatang, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain) yang mempunyai sifat yang sama atau bersamaan bangsa dan jenis. *Kamus Biologi* (2007) menjelaskan tentang pengertian ini dengan lebih spesifik dengan menyatakan spesies sebagai satu makhluk yang memiliki banyak persamaan morfologi dan fungsi dengan jumlah dan susunan kromosom yang sama. Individu dalam spesies yang sama dapat dikahwinkan dan mendapat baka yang hidup dan subur (Wildan Yatim, 2007).

Secara mudah, spesies merujuk kepada organisma yang sama jenis dan kumpulan yang mampu membiak dan membesar apabila dibiakkan dengan ahli kumpulan sama. Populasi dalam spesies yang pelbagai akan membentuk perkumpulan yang kompleks yang dipanggil komuniti. Sebuah komuniti biologi mengandungi spesies yang saling berinteraksi, kebiasaannya yang tinggal di dalam sesuatu kawasan (Scott Fieman, 2008; 1196). Dalam sesebuah ekosistem, manusia adalah spesies organisma yang dominan ekologi (Wagner 1974). Kedominanan ini membolehkan manusia, sebagai penduduk dunia, menawan dan mengubah ekosistem. Mereka bersaing dan menang kerana mampu mengatasi mana-mana organisma lain dalam kegiatan bagi memenuhi keperluan hidup terutamanya pemakanan, perlindungan dan pembiakan dalam persekitaran fizikal yang sama. Kedominanan haiwan tidak hanya kerana saiznya yang besar atau bilangannya yang banyak, tetapi juga kerana keupayaannya bergerak pantas, bersifat agresif, kurang musuh pembinasakan dan pintar. Tindakan manusia dalam memenuhi keperluan hidupnya boleh meninggalkan kesan sama ada ke atas organisma lain ataupun habitat yang didiaminya. Keupayaan bersaing yang tinggi dan impak ekologi yang lebih besar dicipta menunjukkan bahawa manusia adalah spesies organisma yang hebat dan dominan dalam ekologi. Dalam proses itu mereka meninggalkan kesan yang lebih ketara ke atas alam sekitar berbanding organisma lain dalam ekosistem (Wagner 1974; Katiman & Asmah, 2006).

### **Definisi Persaingan antara Spesies**

Persaingan memainkan peranan yang besar dalam sesuatu ekosistem. Individu-individu dalam suatu spesies sentiasa cuba menambahkan jumlahnya melalui pembiakan. Walau bagaimanapun, dalam sesuatu ekosistem, keperluan-keperluan seperti bahan-bahan nutrien, oksigen, cahaya dan lain-lain lagi sangat terhad dan hanya mencukupi untuk menampung sejumlah kecil individu sahaja. Ini bermakna, setiap individu akan bersaing di antara satu sama lain untuk mendapatkan makanan.

Jumlah individu di dalam sesuatu populasi sentiasa terbatas kepada satu had yang sesuai dengan keupayaan organisma untuk berfungsi dengan baik dan sempurna. Had ini wujud apabila berlaku persaingan. Persaingan adalah suatu mekanisme daya yang sangat berkesan dalam pemilihan semula jadi. Ia berlaku apabila dua individu atau dua spesies bersaing atau berlawanan untuk mendapatkan makanan, tempat tinggal dan lain-lain. Hanya spesies yang lebih kuat akan berjaya, spesies yang tidak berjaya itu akan luput atau pupus secara perlahan-lahan (Wahab Abd. Rahman, 1984). Kesannya tetap akan memudaratkan kedua-dua organisma; sama ada menang atau kalah, dan berlaku perkara berikut;

- i. Satu atau dua spesies akan mengalami kepupusan,
- ii. Satu akan bermigrasi ke kawasan lain yang tidak terlalu ketara berlaku persaingan, atau,
- iii. Kedua-dua spesies berkenaan akan berkembang ke paras yang sedikit berlainan (Eldon Enger; Frederick Ross; David Bailey; 2009)

Odum (1996) berpendapat organisma hidup dan persekitarannya (abiosis) sentiasa berkait, berinteraksi dan tidak dapat dipisahkan antara satu dengan lain. Persaingan merupakan suatu proses aktif bagi individu bersaing mendapatkan keperluan asas untuk hidup seperti air, cahaya matahari dan makanan, bersaing untuk mendapatkan sesuatu matlamat asasi, bersaing untuk mencuba sesuatu yang lebih baik daripada yang lain sehingga wujud pihak yang menang dan pihak yang kalah. Ia berlaku apabila dua atau lebih spesies mengalami gangguan untuk mendapatkan bahan asas di dalam satu-satu kawasan (Dick Neal, 2004; Odum, 1996; Cain, Michael L. Et.al, 2007; Enger, Ross & Bailey, 2009). Ia bermaksud, melakukan perkara yang sama sehingga menyebabkan perkembangan spesies lain terencat. Dalam erti kata yang lebih luas, persaingan merujuk kepada saling tindakan dua organisma yang berebut untuk mendapatkan benda yang sama. Persaingan antara spesies adalah sebarang saling tindakan antara dua atau lebih populasi spesies yang memberi kesan buruk kepada pertumbuhan dan kemandirian kedua-duanya. Persaingan juga wujud di kalangan spesies yang sama dan hidup secara bersama kerana banyak spesies yang berkongsi sumber bersama dalam sistem terbuka semula jadi (terutamanya dalam ekosistem yang matang dan stabil), bukan sahaja berlaku antara spesies yang berbeza. Saling tindakan ini juga wujud antara dua populasi yang menghasilkan kesan negatif terhadap pertumbuhan dan kemandirian salah satu daripada populasinya (Odum, 1996).

Menurut Edger (2009), persaingan antara spesies ialah interaksi di kalangan organisma dengan kedua-dua organisma berkenaan mengalami kemudaratan pada suatu takat tertentu. Persaingan berlaku apabila dua organisma memerlukan sesuatu sumber penting yang terhad dan tidak mencukupi (Enger, Ross & Bailey; 2009). Apabila peluang untuk mendapatkan sumber tersebut semakin berkurangan, ini akan menghalang individu daripada hidup mandiri dengan lebih baik (Fieman, 2008; Cain, Michael L. Et.al, 2007). Dua spesies yang berkongsi sumber bahan yang sama akan menyebabkan kesan negatif terhadap kedua-dua belah pihak. Spesies yang kuat menjadi pesaing kepada spesies yang lemah. Lama-kelamaan persaingan berkenaan akan menyingkirkan spesies yang lemah hingga berlaku kepupusan. Interaksi sebegini meninggalkan kesan yang sangat besar (termasuk evolusi) dalam komuniti semula jadi pada setiap peringkat dalam hierarki biologi (Katiman Rostam, Asmah Ahmad, 2006; Cain, Michael L. Et.al, 2007).

Persaingan mempunyai kesan yang kuat terhadap penyebaran dan taburan sesuatu spesies dalam satu-satu kawasan berbanding jenis interaksi yang lain. Persaingan yang berterusan dalam satu species yang sama akan menyebabkan perubahan terhadap ciri fizikal spesies berkenaan, lebih kepada spesies yang dominan dalam sesuatu persaingan (Cain, Michael L. Et.al, 2007). Persaingan antara spesies menghasilkan pelarasan keseimbangan oleh dua spesies, atau ia boleh mengakibatkan satu populasi spesies menggantikan spesies lain atau memaksanya menduduki ruang lain atau mengambil makanan spesies lain, atau apa sahaja yang asas bagi tindakan persaingan (Odum, 1996). Kompleks persaingan ini pula, secara teorinya bertindak secara bergabung dalam bentuk mangsa, pemangsa, parasit atau pesaing.

## **Persaingan antara Spesies dalam Novel Kajian**

Persaingan antara spesies terbahagi kepada dua jenis iaitu persaingan intraspesies dan persaingan interspesies (Dick Neal, 2004; Cecie Starr, 2006). Bahagian ini akan menganalisis tentang kehadiran persaingan antara spesies daripada kedua-dua jenis tersebut. Persaingan intraspesies dalam analisis ini terdiri daripada persaingan antara manusia dan manusia, dan persaingan antara alam dan alam. Walau bagaimanapun, untuk persaingan intraspesies, kajian ini hanya akan menganalisis persaingan yang wujud antara manusia dan manusia sahaja kerana tidak terdapat kehadiran unsur persaingan antara alam dan alam dalam semua novel kajian. Persaingan interspesies pula terdiri daripada persaingan antara manusia dan alam, dan manusia dan Tuhan atau kuasa supernatural. Klasifikasi ini digambarkan seperti berikut;

- i. Persaingan intraspecies
  - Persaingan antara manusia dan manusia
  - Persaingan antara alam dan alam (tidak dianalisis)
- ii. Persaingan interspecies
  - Persaingan antara manusia dan alam
  - Persaingan antara manusia dan Tuhan

Tulisan ini akan menganalisis beberapa buah novel yang dihasilkan beberapa orang penulis Sarawak. Karya-karya berkenaan terdiri daripada novel *Suara dari Rimba* (2008), *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1998), *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001), *Katarsis Perjuangan* (2007), *Sumpah Anak Bumi* (2008), *Bara yang Menyala* (2008), *Naluri Hidayah* (2008), *Anak Ruma' Kadang* (2007), *Libau Rentap Rimba* (2008), *Sempadan Dendam* (2002) dan *Pemberontakan* (1994). Novel-novel ini menjadi pilihan berdasarkan kehadiran unsur-unsur persaingan antara spesies yang digarap penulis tanpa mengambil kira tema, persoalan, dan mesej yang ingin diketengahkan dalam novel berkenaan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada novel yang dianalisis terdiri daripada novel yang dihasilkan penulis Jong Chian Lai. Jong Chian Lai merupakan penulis prolific Sarawak yang memenangi banyak anugerah sastera peringkat kebangsaan sejak tahun 80-an dan merupakan penerima S.E.A Write Awards 2006 daripada kerajaan Thailand. Berdasarkan situasi berkenaan, pemilihan sebahagian besar daripada novel-novel pengarang ini dalam analisis ini dirasakan wajar. Walaupun begitu, beberapa buah novel daripada pengarang Sarawak lain yang turut dikupas mengikut kesesuaian dan fokus artikel ini iaitu persaingan antara spesies dalam karya sastera.

### **Persaingan Intraspecies**

Persaingan intraspecies merupakan persaingan yang berlaku di kalangan ahli dalam sesuatu spesies, atau disebut persaingan yang berlaku dalam spesies yang sama. Dalam mewujudkan situasi pemilihan semula jadi, persaingan intraspecies berlaku ke atas ruang, cahaya matahari, makanan dan sumber lain yang berkaitan dalam peningkatan kepadatan populasi. Ia menjadi penyebab utama ke atas kepadatan pertumbuhan bersandar (Fieman, 2008). Kajian ini hanya akan menganalisis tentang persaingan yang wujud antara manusia dan manusia sahaja. Analisis terhadap persaingan manusia dan manusia melibatkan persaingan yang berlaku antara masyarakat peribumi dan masyarakat luar dan persaingan yang

wujud antara penjajah dan masyarakat tempatan. Analisis ini tidak melibatkan persaingan yang wujud antara alam dan alam kerana tidak diserlahkan dalam semua novel kajian.

### **Persaingan antara Peribumi dan Masyarakat Luar**

Istilah peribumi merujuk kepada tahap budaya yang tercicir, iaitu keadaan sosial sekelompok manusia yang serba kekurangan dalam bidang ilmu, terutamanya dalam bidang sains asas dan teknologi. Masyarakat peribumi dikatakan daif kerana tidak berfikiran saintifik. Kedaifan dalam bidang itu memberi impak menyeluruh. Walaupun begitu, mereka sebenarnya mempunyai pendedahan dan pengetahuan yang tinggi tentang alam sekitar berasaskan pengetahuan empiris dalam dunia lingkungan hidup yang bersifat fungsional. Justeru itu, ia bersifat sains dan gunaan (Hood Salleh, 2004). Kemahiran ini membantu mereka memenuhi keperluan asas. Hutan merupakan persekitaran (ekologi) *orang asli*. Perpindahan daripada persekitaran hutan boleh menyebabkan masalah dalam penyesuaian kehidupan mereka (Ma'rof Redzuan, Zahid Emby. 2008).

Banyak tulisan menggunakan istilah peribumi untuk merujuk kepada kumpulan etnik yang *native* kepada wilayah yang dituntut dan dipertahankan sepenuhnya oleh sesebuah negara. Secara spesifik, masyarakat peribumi merujuk kepada penduduk asal negara Malaysia yang terdiri daripada orang Melayu dan Orang Asli di Semenanjung dan pelbagai kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak. Kamus Indonesia (2008; 1214) telah mendefinisikan peribumi sebagai kelompok penghuni asli bagi sesuatu kawasan yang lahir, membesar dan berkembang di tempat berkenaan. Di Indonesia, anak-anak yang dilahirkan, membesar dan bermastautin di Indonesia dianggap sebagai peribumi walaupun datuk dan neneknya adalah orang asing. Ditinjau dari sudut pandangan masyarakat Indonesia pula, masyarakat peribumi didefinisikan sebagai penduduk Indonesia dari salah satu suku asli Indonesia, sebaliknya non-peribumi cenderung diklasifikasikan berdasarkan warna kulit dan etnik seperti Tionghoa, Arab, India, bangsa Eropah dan lain-lain.

Mengikut Perkara 161A Fasal (6), Perlembagaan Malaysia, berkaitan Kedudukan Istimewa anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak, peribumi atau bumiputra diertikan sebagai anak watan asal atau natif dan ini merujuk kepada orang Melayu, orang Asli dan peribumi di Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, peribumi adalah seorang warganegara Malaysia yang tergolong dalam salah satu kumpulan etnik seperti Iban, Bidayuh, Melayu, Melanau, Murut/Lun Bawang, Kenyah, Kelabit, Kayan, Bisaya,

Punan, Penan dan kumpulan kecil yang lain. Pembahagian secara kasar bagi masyarakat peribumi di Sarawak melalui empat kumpulan etnik utama iaitu Bidayuh, Iban, Melayu dan Melanau, serta sepuluh lagi kumpulan etnik di bawah kategori lain-lain.

Seksyen 3 dalam *Sarawak Interpretation Ordinance* mengatakan bahawa ‘masyarakat asli’ (native) di Sarawak adalah: “*a citizen of Malaysia of any race which is now considered to be indigenous to Sarawak as set out in the Schedule*”. Mengikut tafsiran ordinan ini, kaum-kaum berikut serta sebarang campuran di antara satu sama lain (‘any admixture of them with one another’) merupakan masyarakat asli: Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak (Laut), Dayak (Darat), Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, Kanowit), Lugat, Lisum Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit (Perlembagaan Persekutuan, hal. 247; Bala, 1993; Ahmad Nidzamudin Sulaiman, 1994).

Istilah orang Dayak adalah merujuk kepada satu kumpulan etnik yang amat luas yang mana pada tahun 1991 berjumlah 810,149 orang dan terdiri daripada 49.35% daripada populasi di Sarawak. Mereka termasuk Iban (29.45%), Bidayuh (8.28%), Melanau (5.71%), Kenyah (1.25%), Kayan (1.23%), Murut (0.79%) dan beberapa kumpulan kecil (Jabatan Statistik Malaysia, 1995). Kebanyakan daripada komuniti Dayak mengamalkan pertanian pindah (Rachagan, 1998).

Berdasarkan ordinan ini, istilah “Iban” serta “Bidayuh” tidak termasuk dalam “tafsiran masyarakat asli” di bawah ordinan ini walaupun kedua-dua kaum ini merupakan masyarakat asli Sarawak berdasarkan perkara 2 Adat Bidayuh Order 1994 yang mengatakan;

‘For the purpose of this Order, the term “Bidayuh” means the native of Sarawak referred to as Land Dayak in the Schedule to the Interpretation Ordinance’

dan Seksyen 1, Jadual Kedua *Adat Iban Order 1993* yang menyatakan:

‘Iban means Dayak (Sea) as defined in the Interpretation Ordinance, Cap. 1, Vol. I of the Laws of Sarawak, 1958’.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang tafsiran ‘masyarakat asli’ di Sarawak, namun demikian tulisan ini mentafsirkan ‘masyarakat asli Sarawak’ adalah menurut tafsiran ketiga-tiga sumber ini iaitu, *Sarawak Interpretation Ordinance*, *Adat Bidayuh Order 1994* dan *Adat Iban Order 1993*. Mereka mendiami hulu sungai (‘upriver people’) yang merupakan penduduk asli yang tinggal di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman negeri Sarawak, khususnya di



Baram, Kapit, Trusan, Limbang dan Belaga. Golongan Orang Ulu di Sarawak meliputi 5.5 peratus daripada populasi penduduk. Majoriti daripada mereka beragama Kristian, tetapi masih terdapat di kalangan mereka mengamalkan kepercayaan tradisi nenek moyang (Ahmad Nidzamudin, 1994).

Walaupun miskin, masyarakat peribumi sukakan kehidupan yang aman. Pertelingkahan kebendaan dalam kehidupan mereka jarang berlaku. Suasana kampung yang lembut dan mesra masih mewarnai sikap yang tidak agresif terhadap kejayaan kebendaan. Masyarakat peribumi tidak sukakan keganasan dan cuba mengelakkan diri daripada terlibat dalam tindakan keganasan (Ma'rof Redzuan, Abdul Razak Abd. Rahman, 2008). Prinsip ini menyebabkan mereka lebih banyak mengalah. Apabila sesuatu kawasan telah dicerobohi untuk aktiviti pertanian dan pembalakan, masyarakat peribumi seperti Penan dan Iban telah berpindah jauh ke dalam hutan kerana menghadapi kesukaran mendapatkan makanan. Kemerostan mutu alam sekitar menyebabkan masyarakat peribumi berhadapan dengan kesukaran hidup (Maharam Mamat, 2009a). Ini dijelaskan dalam novel seperti petikan berikut;

'Inilah masanya untuk jadi manusia kasar. Mereka ceroboh hutan, ranapkan kubur, kotorkan sungai, ikan mati, burung terbang jauh, binatang lari jauh, jakah dan *uwut* tumbang. Mereka harus bertanggungjawab pada segala kemusnahan itu.' Along Sega yang bercakap setelah lama berbincang dengan Brueno Mansel serta beberapa orang yang berkumpul di situ.

(Jong Chian Lai, 2008; 390)

Namun, mereka sangat terpengaruh dengan kehadiran bangsa asing (Mat Salleh) kerana pengalaman yang manis bagi Orang Asli secara umumnya. Mat Salleh selalunya menjadi pelindung yang berideologi lembut serta liberal terhadap mereka. Ia dilihat sebagai pembebas kekejaman dalam alam mitos mahupun pada hari ini, dan hadir sebagai 'wira' dari langit berurusan terus dengan kuasa besar alam. Mereka sering dilihat sebagai doktor yang membawa ubat dan penawar. Imejnya yang lembut tidak ganas, penaja cara-sikap kemanusiaan yang luar biasa itu menyebabkan golongan peribumi dapat menerimanya (Hood Salleh, 2004). Mereka begitu hormat kepada orang lain, terutama orang luar. Ini menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gesaan orang luar seperti aktivis Bruno Manser yang mendesak kaum peribumi menentang pihak kerajaan. Sokongan yang diterima dari peringkat antarabangsa membuatkan mereka lebih yakin untuk meneruskan penentangan. Ini tentunya dibantu oleh persekitaran yang lebih mendesak keinginan itu. Mereka menyaksikan bagaimana kawasan hutan dimusnahkan untuk

kawasan pertanian dan pembalakan. Mereka juga melihat sifat tamak dan haloba masyarakat luar yang terkenal dengan ketamadunan yang tinggi, namun hilang sifat ketamadunan itu apabila berinteraksi dengan alam sekitar (Maharam Mamat, 2009a). Ini dipaparkan pengarang seperti contoh-contoh berikut;

“Pekerja-pekerja balak tangkap ikan di Ba Magoh...berguni-guni dibawa balik. Mereka tangkap waktu ikan bertelur. Tiada tempat untuk ikan membiak. Tak sempat langsung. Kalau awak ke Ulu Baram, banyak ikan di situ. Mereka guna jala dan budak-budak untuk tangkap ikan. Tentu payah untuk ikan terus membiak.” Mustafa Manap dan Suhaili Osman tentu tidak begitu memahami keadaan yang dimaksudkan, terkadang-kadang orang kota ‘terpancing’ oleh kejinakan, keaslian, kehijauan, kaharuman, sumber-sumber yang banyak daripada rimba itu.

(Jong Chian Lai, 2008; 323)

‘Ikan mati kerana sungai kotor. Binatang lari. Kenapa perintah tak bincangkan dan ajar mereka? Kerajaan patut tarik balik lesen mereka. Kenapa dia tak bantu kami? Kalau kami tak sekat, siapa lagi mahu dengar? Sebab tu saya mahu halang kompeni. Tapi orang atas tak patut hantar polis dan tangkap kami. Baik benar kalau Perdana Menteri datang untuk ketemu saya. Kami tak bunuh dia! Saya suruh dia tumbangkan *uwut*, mengupas kulitnya...’

(Jong Chian Lai, 2008; 349)

Pada peringkat awal, masyarakat ini tidak begitu menyedari tentang akibat yang perlu mereka tempuhi apabila keseimbangan alam sekitar di sekeliling mereka digugat. Namun, apabila aktiviti pembalakan, penebangan hutan dan pembinasaaan dilakukan secara meluas, mereka mula mengetahui kesan yang perlu didepani. Mereka terpaksa menerima hakikat tentang kemusnahan terhadap sumber alam, persekitaran yang didiami, kekayaan biodiversity dan ekologi, di samping impak menjejaskan budaya seperti kekayaan elemen dalam cerita rakyat, legenda, kepercayaan rakyat dan perubatan, lagu rakyat, peralatan dan permainan, hasil kraf tangan tradisional dan teknologi berserta arkeologi yang terdapat di dalam sesuatu kawasan (Rachagan, 1998). Ini dijelaskan penulis seperti berikut;

Memang pada tafsirannya sebelum ini, pembalakan tidak mendatangkan bencana, tetapi semakin mendekati diri dengan situasi itu, keadaan yang dilihatnya amat menggerunkan. Hutan itu semakin

botak, tanah semakin lapang, tumbuh-tumbuhan menjadi rosak, pokok-pokok kecil terhumban menyembah bumi, patah seperti ranting-ranting rapuh, paku-pakis yang dahulunya ranap mula tumbuh tetapi kehijauan dan kesegarannya pudar. Resah hati Kurau Kusin yang tinggal di daerah itu kerana pembalakan akan menjalar ke perkampungannya pada bila-bila masa sahaja. Tentu dia menanti dan melihat seperti James Rich yang menunggu dan menatap sendiri betapa mengambil gambar dan melaporkan amat tidak berbaloi kecuali bertindak secara rasional.

(Jong Chian Lai, 2008; 26)

Sikap dan budaya malu dan hormat serta keakuran yang tinggi khususnya kepada pemimpin kemungkinan boleh menjadi pendorong kepada masyarakat peribumi untuk mengekalkan kedudukannya pada tahap sedia ada (Ma'rof Redzuan, Abdul Razak Abd. Rahman, 2008). Mereka juga masih sedar dengan perubahan dan perkembangan dunia luar walaupun suasana kehidupan mereka masih lagi berada dalam keadaan aman dan miskin. Mereka melihat masyarakat luar, terutama Melayu sebagai model utama dalam kehidupan. Namun pada masa yang sama, masyarakat Melayu turut sinonim dengan sifat rakus, kurang sopan apabila berdiplomasi dengan mereka, merasa tinggi diri secara tidak sedar, serta kurang tahu tentang pengalaman sebenar yang mereka lalui di pinggir hutan dan di pedalaman. Orang luar dikagumi, namun adakala turut dijauhi kerana sifat angkuh mereka (Hood Salleh, 2004).

Pembangunan yang dijalankan di kawasan petempatan dan tanah adat yang mereka miliki telah menimbulkan konflik yang berlarutan sejak 1980-an lagi. Kaum Penan beranggapan bahawa pihak kerajaan dan syarikat pembalakan gagal menghormati hak mereka ke atas tanah adat (NCR) serta sumber asli hutan. Syarikat pembalakan sering melaksanakan aktiviti pembalakan di kawasan penempatan dan sekitarnya tanpa perbincangan terlebih dahulu dengan wakil mereka. Keadaan ini menyusahkan kerana kawasan penempatan serta kawasan sekitarnya merupakan tanah tradisional dan nenek moyang mereka. Mereka bergantung kepada tanah tersebut untuk mata pencarian menurut tradisi mereka. Keadaan menjadi tegang apabila masyarakat peribumi bertindak menghalang dan menyekat aktiviti pembalakan kerana ingin melindungi hak tanah adat sehingga mengakibatkan beberapa orang Penan telah cedera, ditangkap dan dipenjarakan, malah situasi ini mendapat perhatian antarabangsa dan telah menjadi asas kepada *Anti-Tropical Timber Campaign* di Eropah dan Amerika Syarikat pada 1990an. Kerajaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa kaum Penan telah dipengaruhi oleh pihak

tertentu dari luar negara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Antarabangsa, terutama Bruno Manser yang dianggap sebagai seorang *environmentalist extremist* (SUHAKAM, 2002). Penulis menimbulkan anggapan ini dalam ayat ‘Kemudian dia menyebarkan deklarasi tuntutan puak-puak Penan kepada Tabung Kehidupan Liar Sedunia. Bukankah dia mahu mempolitikkan perbincangan dalam kehidupan kaum Penan. Dia bukannya mahu melakukan penyelidikan dan kajian tentang hidupan liar, budaya, bahasa, kepercayaan, perubatan hasil dari rimba, kraf tangan tetapi sebagai pengintip kepada NGO Barat’ (Jong Chian Lai, 2008; 251). Konflik ini berterusan hingga kini menampakkan wujud penentangan dikalangan penduduk peribumi.

Tanah merupakan komponen asas dalam pembangunan ekonomi Orang Asli. Tanpa tanah, sukar bagi seseorang itu untuk meneruskan aktiviti bertani atau bercucuk tanam dengan sempurna. Kanun tanah negara yang dibentuk dalam Akta 134 (Akta Orang Asli) tidak mengiktiraf hak milik tradisi orang asli ke atas tapak tanah yang didiami atau diusahakan dan segala hal berkaitan tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri (Mustaffa Omar, 2008). Fahaman orang tempatan tentang hak NCR adalah hak yang meliputi tanah ladang, *temuda* dan wilayah *pemakai menoa* yang kesemuanya berguna untuk memburu, mencari ikan, memunggut hasil, mendapat kayu balak dan bahan untuk pembinaan seperti rotan. Pemakai *menoa* lazimnya kawasan hutan rimba (Carol Yong Ooi Lin, 2008). Apabila berlaku pencerobohan terhadap hak tanah mereka, masyarakat peribumi akan menentang dan menuntut keadilan seperti yang berlaku kepada kaum Penan, Iban dan Dayak yang lain. Mereka telah melakukan sekatan agar aktiviti pembalakan tidak lagi boleh dilakukan sewenang-wenangnya, sekali gus menyelamatkan tanah adat mereka (Maharam Mamat, 2009a). Ini diterangkan secara panjang lebar oleh penulis seperti petikan berikut:

Pete Freud, seorang botanis melawat Sarawak pada penghujung 1986. Dia dibawa mengunjungi daerah Baram oleh pencinta alam tempatan. Dia telah menemui orang Penan dari Sungai Tutoh dan Sungai Limbang untuk menjadi penyampai antara Penan dengan media. Mereka menyerahkan dokumen ‘Deklarasi orang Penan’ yang ditandatangani oleh sebelas ketua puak Penan. Pete Freud, menyelar pemerintah kerana gagal mengisytiharkan hutan simpan dan bersikap sambil lewa, memandang rendah, menyampaikan penerangan yang menyeleweng dan memujuk orang Penan supaya tidak meneruskan tuntutan itu. Seorang botanis yang sebenarnya seorang aktivis pencinta alam yang memartabatkan Brueno Mansel sebagai orang yang berani meyakinkan orang Penan

supaya cukup yakin bersuara untuk menyampaikan tuntutan suara-suara dari rimba. Pete Freud menghantar laporannya mengenai isu Penan itu. Siaran akhbarnya diakhiri dengan: ‘Orang perseorangan yang menandatangani deklarasi di atas mengambil keputusan untuk menghalang aktiviti pembalakan di atas tanah pusaka mereka, menjemput media untuk menyiar dan melaporkan kekacauan ini untuk mengekang kehidupan tradisi itu. Sekatan ini bermula pada 23 Mac 1987 dan berlanjutan sehingga difikirkan perlu. Dua tempat utama tersebut di Long Napir – jalan dari mendamit ke Kem WTK dan kem Layun – berdekatan dengan kem Sungai Layun. Peta boleh diperolehi apabila diminta.’

(Jong Chian Lai, 2008; 405)

Pada bulan Ogos 1997, syarikat pembalakan mengancam untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap orang Penan, Kelabit, Kayan dan Kenyah yang mengadakan sekatan sekiranya mereka tidak mengalihkan kayu balak yang melintang di atas jalan tanah merah itu. Ancaman itu tidak membimbangkan mereka. Sekatan diteruskan. Kebimbangan tercetus juga apabila sebanyak dua puluh dua kenderaan dengan lebih seratus orang mendekati sekatan. Ramai antara mereka adalah tuai rumah, penghulu daripada Kaum Iban, Murut dan Kelabit datang untuk memujuk mereka supaya menamatkan sekatan.

(Jong Chian Lai, 2008; 464)

Industri pembalakan hanya memperkaya beberapa orang, melalui rasuah, ia memporak-perandakan komuniti terlibat, merendahkan kualiti hidup, mencemarkan air sungai, memusnahkan tanah, membunuh ikan dan binatang. Tidak logik orang Penan dan kaum lain hanya mendiamkan diri melihat kawasan dan hutan mereka dimusnahkan oleh jentolak Komatsu dan gergaji Stilt. Pada tahun 1983, orang Kenyah menentang, menyekat pembalakan di Belaga dan meruntuhkan jambatan. Kira-kira lapan puluh orang PFF diterbangkan ke kawasan itu dan lima puluh orang Kenyah ditahan, tiga orang cikgu dipecat dan Tuai rumah diberi amaran keras oleh pemerintah.

(Jong Chian Lai, 2008; 339)

Masalah alam sekitar yang berlaku banyak dikaitkan dengan penurunan kualiti alam sekitar di kawasan hulu yang terpancar kepada kualiti alam pada bahagian hilir. Peningkatan terhadap permintaan sumber alam ekoran pertumbuhan penduduk menyebabkan pengurangan kawasan hutan dan peningkatan kawasan pertanian di kawasan hilir sungai. Guna tanah di kawasan-kawasan ini cenderung menjadi lebih luas seiring dengan peningkatan kawasan pembangunan sehingga turut mengubah kawasan pertanian menjadi petempatan atau pembangunan lain. Pertambahan jumlah penduduk juga telah mendorong peningkatan keperluan penduduk peribumi yang mendorong penggondolan kawasan hutan. Ini seterusnya mengubah iklim global dengan peningkatan hakisan, banjir dan kemarau.

Walaupun masyarakat peribumi seperti Penan mahukan pembangunan seiring dengan kemajuan kaum yang lain di Malaysia, namun keinginan berkenaan tidak diserlahkan secara radikal seperti mana menuntut hak tanah NCR dan menentang pembalakan tanpa kawalan di kawasan petempatan mereka. Keinginan itu tidaklah sehingga timbul kesedaran untuk mereka menyatakan deklarasi, membuat piket atau melakukan sekatan. Mereka sedar melalui pelbagai kemudahan asas seperti sekolah, klinik dan corak hidup yang teratur mampu membentuk satu kehidupan masyarakat peribumi seperti kaum yang lain. Mereka juga mahu maju seperti kaum yang lain dan tidak terpinggir daripada arus kemajuan. Semua keinginan ini dipaparkan pengarang dalam novel *Suara dari Rimba* contohnya pada halaman 122, 143 dan 164. Namun begitu, timbul juga keraguan dan konflik di kalangan mereka untuk menggantikan cara hidup yang telah mereka jalani selama ini dengan satu bentuk kehidupan baru. Mereka akan mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan tempat dan cara hidup baru dari sudut sosial dan fizikal, tiada kebebasan menentukan tempat tinggal, keadaan hidup yang tidak teratur dan kesukaran membawa barang-barang apabila berpindah ke tempat baru (Maharam Mamat, 2009a). Berpindah ke kawasan baru juga sangat sukar bagi mereka dari segi ekonomi. Mereka terpaksa melupakan tempat tinggal asal yang telah diusahakan dengan hasil dusun, tanaman dan petempatan yang telah dibina sejak zaman nenek moyang dahulu (Ma'rof Redzuan, Zahid Emby. 2008). Kebimbangan ini antara lain dinyatakan dalam bentuk jenaka seperti petikan ini:

“Kau fikir kita boleh maju macam bangsa lain?” Tanya Beraok Beluluk yang lebih gemar tinggal dalam hutan daripada rumah panjang.

“Kalau kita maju sikit...kena ikut peraturan. Mahu berak juga ikut peraturan, mesti buat tandas...buat apa tahi tu?” kata-katanya itu mencuit hati Gerawat Megud.

“Awak takut nak berak dalam tandas? Semua orang buat macam tu,” tegas Gerawat Megud sambil tersengih.

“Yalah...tahi buat apa nak simpan.”

“Buat baja..” jelas Seliman Elon.

(Jong Chian Lai, 2008; 164)

Pihak kerajaan telah menyediakan rumah panjang moden yang lebih selesa, moden dan kukuh di kawasan petempatan baru apabila kawasan petempatan asal mereka diambil alih untuk pembinaan empangan, pembalakan, perladangan, pembinaan jalan raya dan sebagainya. Kerajaan negeri Sarawak menyediakan Penempatan Semula Sungai Asap apabila mengambil alih kawasan Bakun bagi pembinaan empangan. Penempatan ini selaras dengan usaha am kerajaan untuk membangunkan negeri Sarawak dan memajukan masyarakat peribumi serta ditingkatkan taraf hidup mereka secara lebih teratur (SUHAKAM, 2002). Kemudahan berkenaan diperincikan kepada pembaca dalam novel *Pindah* pada halaman 5, 6, 16, 17 dan 43, merangkumi semua kemudahan asas seperti rumah yang berhampiran dengan pekan, bekalan elektrik dan air bersih, jalan raya, dan pelbagai kemudahan lain (Maharam Mamat, 2009a).

Masyarakat peribumi tidak menolak semua jenis pembangunan. Yang penting bagi mereka adalah pencarian suatu corak pembangunan yang menghormati hak-hak mereka terhadap tanah dan berasaskan warisan sejarah, budaya dan cara hidup mereka. Seboleh-bolehnya, memberi mereka hak untuk menentukan nasib atas tanah mereka sendiri (Carol Yong Ooi Lin, 2008). Penentangan dan protes hanya berlaku apabila alam yang mereka sanjung telah tergunat. Anak-anak sungai yang mereka guna sebagai jalan pengangkutan, cucian dan sumber air minuman dipenuhi lumpur, tersumbat dan tercemar. Pembangunan menyebabkan tanah ladang yang mereka guna untuk bercucuk tanam dicerobohi. Perkuburan-perkuburan juga tidak dihormati dan sebaliknya dikelilingi oleh tanaman kelapa sawit (ibid, 2008). Kehidupan semasa mereka yang terpinggir daripada arus pembangunan menjadikan masyarakat ini jauh tercicir. Dalam jangka masa yang panjang, situasi ini akan meluaskan lagi jarak pembangunan yang diterima dan melebarkan persaingan antara masyarakat peribumi dan masyarakat Malaysia yang lain.

### **Persaingan antara Penjajah dan Masyarakat Tempatan**

Penjajahan berlaku kerana mencari sumber bahan mentah apabila berlaku revolusi perindustrian di Eropah dan penyebaran agama Kristian. Namun begitu, kedatangan Brooke ke negeri Sarawak adalah kerana suasana tidak aman akibat perang saudara di negeri ini. Brooke telah dianugerahkan Sarawak setelah berjaya membantu kesultanan Brunei menangani perang saudara dan kekacauan masyarakat tempatan. Konflik dalaman yang

berlaku di negeri Sarawak di bawah pemerintahan kusultanan Brunei telah dikupas dengan terperinci dalam novel *Katarsis Perjuangan* (2007), sehinggalah negeri itu diserahkan ke Pemerintahan Diraja British (Crown Colony). Jong Chian Lai menyatakan hal ini dalam novelnya seperti berikut;

Tuan pun meneliti, entah untuk yang keberapa kali pada surat perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan yang tergantung megah di dalam kabinnya. Dia membacanya penuh semangat dan bangga, meninggikan suaranya supaya askar-askarnya juga dapat mendengar: *'That the country and government of Sarawak is made over to Mr. Brooke (to be held under the crown of Brunei) with all its revenues and dependencies, on the yearly payment of £2500. That Mr. Brooke is not to infringe upon the customs or religion of the people; and in return, that no person is to interfere with him in the management of the country'*.

(Jong Chian Lai, 1994; 3)

Idris Boi menyatakan situasi ini dengan satu penerangan ringkas, tetapi menyeluruh melalui novel *Sumpah Anak Merdeka* (2006), seperti berikut:

Tuan Raja James Brooke telah mengugut kerajaan Brunei yang ketika itu tidak berkeupayaan untuk mentadbir Sarawak, secara terpaksa menyerahkan negeri Sarawak kepada James Brooke. James Brooke yang menggunakan segala tipu helahnya di samping membantu kerajaan Brunei memadamkan api pemberontakan yang banyak berlaku di negeri Sarawak telah berjaya memujuk dan memaksa Sultan Brunei menyerahkan negeri Sarawak kepadanya. Jika tidak, James Brooke dengan bala tenteranya akan menyerang Brunei kerana dituduh melindungi pengganas dan pemberontak. Sultan Brunei tidak ada jalan lain kecuali terpaksa juga menyerahkan negeri Sarawak kepadanya.

(Idris Boi, 2006; 2)

Brooke mempunyai senjata perang yang mampu mematahkan cubaan pemberontak-pemberontak masyarakat tempatan. Kekuatan tentera Brooke dan kelengkapan senjata moden memberi peluang kepada Brooke menguasai dan mentadbir Sarawak walaupun pemerintahannya tidak pernah sunyi daripada pemberontakan. Penduduk tempatan sama ada Melayu, Iban, Dayak, malah bangsa Cina yang dibawa masuk dari tanah besar China sebagai pelombong di Bau terpaksa patuh kepada



pemerintahan Brooke. Walaupun masyarakat tempatan cuba memberontak kerana dikenakan cukai yang tinggi, namun pemberontakan berkenaan berjaya dipatahkan dengan mudah. Penentangan yang wujud di kalangan penduduk tempatan di paparkan Idris Boi seperti berikut:

Sudah seminggu Batang Sadong dikuasai oleh Inggeris. Banyak kampung dan desa terutama kawasan persisiran pantai kini telah diletak di bawah pentadbiran Inggeris. Pihak Inggeris juga mengenakan cukai selain pelbagai tekanan kepada penduduk kampung supaya mereka menyerahkan tanah mereka kepada pemerintahan Inggeris. Mereka yang enggan membayar cukai, hasil barangan mereka akan dirampas dan mereka pula ditangkap dan diseksa di penjara Sibu. Malah sesetengahnya pula dijadikan hamba abdi, dipaksa menjadi buruh kasar. Akibatnya ramai daripada banduan ini mati kerana layanan buruk daripada pihak Inggeris. Pendek kata kehidupan penduduk kampung semakin hari semakin susah. Pihak Inggeris bermaharajalela di kampung yang mereka tawan. Mereka berbuat sesuka hati. Kalau ada yang melawan akan ditangkap dan diseksa. Sejak pertempuran antara pahlawan Melayu dengan askar Inggeris di Batang Sadong, ramai telah terkorban. Para pejuang ramai yang gugur yang mempertahankan tanah air mereka. Mereka yang ditawan dihantar ke penjara pusat di Sibu dan diseksa. Mereka yang terselamat terpaksa melarikan diri ke dalam hutan ataupun ke hulu sungai. Mereka terpaksa mencari perlindungan baru bagi menyusun semula serangan.

(Idris Boi, 2006; 1)

Pemberontakan terhadap pemerintahan Brooke yang dilakukan Rentap, seorang pahlawan Dayak yang terkenal, telah dirakamkan pengarang Jaya Ramba dalam novel *Sempadan Dendam* (2002). Dalam novel *Pemberontakan* (1994), Jong Chian Lai memaparkan penentangan masyarakat tempatan ini juga berlaku di kalangan masyarakat Melayu, Dayak dan Iban. Pelombong-pelombong Cina juga menentang Brooke kerana tidak berpuas hati dikenakan cukai yang tinggi terhadap candu, namun pemberontakan ini juga berjaya dipatahkan Brooke kemudiannya. Tekanan yang diberikan pemerintahan Brooke kepada pelombong-pelombong Cina telah menyebabkan berlaku tidak puas hati di kalangan mereka. Ini mendorong mereka melakukan penentangan seperti petikan berikut:

‘Kita terpaksa membayar cukai untuk enam puluh itu juga, begitu.’ Kheng Aik dapat menangkap tentang kemarahan yang dibangkit-bangkitkan oleh tauke-tauke di daerah perlombongan ini. Malah orang lombong begitu gelisah kerana harus membayar cukai untuk sesuatu yang tidak diperoleh. Tiga puluh bebola candu itu pun tidak mencukupi. Dan apabila tidak mencukupi, harganya pun melambung tinggi. Untuk orang yang ketagihan candu terpaksa bekerja keras lagi. Kalau tidak, duit dihabiskan untuk menghisap candu sahaja.

(Jong Chian Lai, 1994; 246)

Candu yang dibakar oleh Napkin Anderson menimbulkan kemarahan tauke-tauke di daerah perlombongan itu. Ramai yang menuduh Tauke Tong sengaja mengupah lanun untuk membekalkan candu supaya dia mendapat keuntungan yang lumayan. Dia dapat membekalkan candu itu walaupun Tuan menghadkannya kepada tauke-tauke dan pelombong-pelombong di daerah itu. Dan Tauke Tong patut dipancung. Ramai yang menyangka Tauke Tong telah mati dipancung oleh Tuan sendiri. Tetapi Tauke itu datang ke daerah perlombongan ini bersama-sama dengan Arthur Gregory dan Awang Bakar. Pelombong-pelombong kehairanan. Mereka menghampirinya, tetapi askar-askar yang lengkap bersenjata telah bersedia menghalang, dan berada di hadapan untuk menembak sesiapa sahaja yang akan menyerang. Pelombong-pelombong amat benci melihat Tauke Tong. Kerana perbuatannya, Tuan semakin menekan mereka, dan bekalan candu dikurangkan.

(Jong Chian Lai, 1994; 390)

Persaingan antara penjajah dengan masyarakat tempatan juga berlaku antara Brooke dan lanun yang sentiasa mengganas di perairan Sarawak. Lanun-lanun ini akan merompak kapal-kapal dan nelayan di lautan, termasuk kapal British. Asalnya, kedatangan Brooke ke Sarawak untuk menghantar surat pernyataan terima kasih daripada kerajaan British kepada Pangeran Muda Hashim yang telah menyelamatkan kapal British daripada serangan lanun. Setelah memerintah Sarawak, lanun masih lagi

menjadi ancaman yang besar terhadap pemerintahan Brooke. Ini dipaparkan pengarang seperti petikan berikut:

Pernah beberapa kali kapal layarnya diserang lanun yang datang entah dari mana. Kapal layar lanun itu pun lengkap dengan meriam. Tembakan demi tembakan dilepaskan sehingga kapal lanun merapati Royalist. Lanun itu melompat ke Royalist sambil menghunuskan pedang dan menyerang anak kapalnya. Ramai anak kapalnya cedera parah dan beberapa orang terbunuh kerana terkejut oleh serangan itu. Tetapi kerana adanya senapang, kapal itu dapat diselamatkan. Kapal layar lanun mengaku kalah, tetapi kemudiannya tenggelam di lautan kerana dibedil meriam Royalist. Lanun yang diselamatkan dijadikan tawanan. Sewaktu dia berhadapan dengan lanun berkulit hitam, dia berasa seolah-olah beruang besar sedang menerkam ke arahnya. Senapang yang meletup itu yang menyelamatkannya. Waktu itu pistol ada di tangannya. Tetapi dia tergamam. Tubuh besar itu rebah menimpunya. Hampir tersungkur dia bersama tubuh kaku lanun kulit hitam itu.

(Jong Chian Lai, 1994; 33)

Terlalu banyak peperangan yang tidak pernah ada kesudahannya. Sama ada di lautan menentang lanun atau di sepanjang sungai menghadapi pelampau Dayak yang menentang pemerintahannya. Tuan tidak tahu pelampau Dayak itu memberontak kerana dia seorang Tuan, kerana dia orang asing berkulit putih atau kerana ingin menguji kekuatannya. Mungkin pelampau Dayak itu atau lanun akan berasa bangga yang tidak terhingga kalau dapat membunuhnya, atau dapat menghancurkan Royalist serta membunuh askar-askarnya yang cekap itu.

(Jong Chian Lai, 1994; 106)

Walaupun penjajah mempunyai senjata moden dan jumlah tentera yang ramai, namun masyarakat tempatan tetap melakukan penentangan. Masyarakat tempatan kalah apabila bersaing dengan penjajah dan lanun, manakala penjajah pula berjaya dalam persaingan antara masyarakat tempatan Sarawak, masyarakat Cina dari Tanah Besar dan lanun yang

mengganas. Walaupun berlaku pemberontakan untuk menentang penjajah, namun Brooke mampu menguasai pemberontakan berkenaan kerana mempunyai kelebihan dari segi senjata moden dan angkatan tentera. Kegagalan masyarakat tempatan termasuk orang-orang Cina untuk menentang penjajah menyebabkan mereka terpaksa tunduk dan mengalah dengan semua peraturan dan kehendak Brooke.

### **Persaingan Intraspesies**

Persaingan intraspesies berlaku apabila individu daripada spesies berlainan menggunakan sumber yang terhad (Fieman, 2008). Persaingan intraspesies dalam kajian ini merangkumi persaingan antara manusia dan alam dan juga persaingan antara masyarakat peribumi dengan kuasa supernatural.

### **Persaingan Antara Manusia dan Alam**

Persaingan yang wujud antara manusia dan alam pula dibahagikan kepada dua, iaitu antara penjajah dan alam dan persaingan antara masyarakat peribumi dan alam.

### **Persaingan antara Penjajah dan Alam**

Alam semula jadi merupakan sumber ekonomi utama Sarawak sejak berzaman. Sumber alam semula jadi seperti balak, rotan dan damar, hasil bumi seperti emas dan bijih telah dieksploitasi sejak berkurun lamanya. Dalam novel *Naluri Hidayah* (2007), Sarimah Alit mengaitkan sumber alam berkenaan dengan pihak penjajah iaitu semasa pemerintahan keluarga Brooke, British dan Jepun. Berkaitan zaman Brooke, pengarang menyerlahkan kerakusan keluarga ini mengaut keuntungan sumber alam di Sarawak untuk kepentingan mereka seperti petikan di bawah:

Di samping itu, perlombongan emas, antimoni, arang batu dan minyak dipergiat. Emas dilombong di Bau oleh pelombong Cina. Pada tahun 1857, pelombong Cina telah memberontak kerana tidak berpuas hati dengan cukai yang dikenakan oleh kerajaan Brooke. Pemberontakan berjaya dipatahkan oleh Brooke dan pelombong Cina melarikan diri ke Saribas.

(Sarimah Alit, 2007; 136)

Perlombongan emas, antimoni, arang batu dan minyak pula semakin dipergiatkan sebagai sumber ekonomi baru. Bau kaya dengan emas, ini mendorong Brooke membawa masuk pelombong-pelombong dari China. Walau bagaimanapun, berlaku pemberontakan pada 1857 kerana pelombong-pelombong ini tidak berpuas hati dengan cukai yang dikenakan. Dalam novel *Pemberontakan* (1994) pula, penulis mengemukakan konflik yang dihadapi golongan pelombong akibat ditindas penjajah. Ini digambarkan seperti berikut:

‘Kamu kaum pendatang. Kaum yang lari dari negara sendiri. Pelarian! Bangsa pengecut yang lari daripada peperangan di negara sendiri. Lombong emas itu bukan milik kamu. Ia adalah milik Tuan yang memerintah Kepulauan Borneo ini.’

Begitu sahut Richard Wellington setelah Tuan membisik sesuatu di telinganya.

‘Sebelum orang Inggeris ke sini, orang lombong telah lama mengerjakannya. Kami hidup mewah,’ bantah Ketua Yong Seng lagi.

‘Sekiranya kamu rasa Tuan tak adil, tinggalkan lombong itu. Orang lombong jati boleh melombong emas itu. Pulanglah ke negeri China. Jangan cuba buat kekacauan di sini. Di negeri China telah berlaku begitu banyak peperangan. Tuan mahukan keamanan di kepulauan ini. Faham?!’ tegas Arthur Gregory, dalam bahasa Inggeris. Sekali-sekala cuba berbahasa Melayu apabila menyebut emas dan China.

(Jong Chian Lai, 1994; 67)

Novel *Pemberontakan* juga telah memperincikan bagaimana Sarawak mempunyai sumber bumi yang banyak, tetapi telah dieksploitasi oleh penjajah dan pendatang, bukannya masyarakat peribumi. Masyarakat peribumi terpaksa melepaskan hasil bumi mereka kerana tidak mampu bersaing dengan penjajah dan mempertahankan hak mereka sendiri. Alam pula akan dikaut oleh golongan yang tidak layak atau berhak, sedangkan golongan sepatutnya (anak negeri) hanya mampu melihat hasil bumi mereka dieksploitasi. Situasi ini dipaparkan dalam petikan di bawah:

Cadangan Arthur Gregory menghairkannya. ‘Borneo Company harus menguasai lombong itu sepenuhnya. Hasilnya ... bukannya untuk pentadbiran negeri Melayu ini. Mereka tu pendatang. Kita tak dapat naikkan gaji kerana kita menghadapi banyak ancaman, malah daripada

orang Melayu dan orang Iban, penduduk asal Kepulauan Borneo ini.’ Arthur Gregory menyeluk kedua-dua tangannya ke dalam saku baju yang labuh dan sedikit lebar daripada tubuh kecilnya; kaki baju kain licin yang mahal itu membungkus sampai ke lututnya.

(Jong Chian Lai, 1994; 129)

Di kawasan lombong, emas ada di mana-mana. Di tempat kaki dipijak, di bukit batu kapur, di puncak gunung batu kapur, dalam gua di gunung batu kapur dan di sungai yang mengalir di daerah ini. Mereka memecahkan batu kapur yang rapuh itu, dan mencucinya dengan air. Batu kapur itu akan menjadi lembut dan terurai dengan sendirinya. Di sungai mereka menggunakan dulang untuk mengaup pasir di dasarnya. Dan mengasingkan pasir daripada cebisan emas dengan cara melenggangkan dulang itu. Perempuan yang lebih gemar mengerjakan pencarian emas secara itu. Ini yang paling senang, dan tidak membahayakan. Sungainya cetek pula.

(Jong Chian Lai, 1994; 228)

Perebutan terhadap sumber alam yang bernilai ini menyebabkan berlaku pertelingkahan antara kuasa besar dunia. Brooke telah mencuba sedaya upaya untuk mengambil semua kekayaan tersebut dari bumi Sarawak sehingga tiba saat meletus Perang Dunia ke-2. Pada zaman British pula, lombong minyak yang terdapat di Miri telah cuba dimusnahkan sebelum Jepun berjaya menguasai negeri ini (Sarimah Alit, 2007; 137). Penjajah akan mengaut sumber ekonomi tanah jajahannya sesuai dengan prinsip penjajahan pada waktu tersebut, membawa balik hasilnya ke negeri asal mereka tanpa memanfaatkan sumber berkenaan demi anak tempatan.

### **Persaingan antara Peribumi dan Alam**

Komuniti peribumi di kebanyakan negara telah menetap di kawasan tanah tradisi mereka sejak zaman lampau, sebelum kehadiran komuniti lain di negara berkenaan. Budaya mereka telah teradun dan terikat kepada tanah; agama mereka bergantung kepadanya (Ma’Rof Redzuan, Mohd Taufiq Mahmud. 2008). Tanah dan hutan adalah cara hidup mereka. Amalan tradisi dan kepercayaan spiritual yang paling mereka pertahankan dengan baik adalah berpusatkan hubungan mereka dengan tanah.

Hutan bukan sahaja tempat tinggal bagi tumbuhan dan haiwan, malah juga bagi manusia. Komuniti peribumi yang mendiami kawasan

pedalaman telah mengembangkan adat dan budaya mereka yang dinamik terutama berkaitan pegangan dan hubungan mereka sesama manusia dan alam persekitaran. Adat yang diguna pakai dan diperturunkan ini mengandungi peraturan dan prinsip yang sah bagi memastikan hubungan langsung antara tanah dan hutan dalam komuniti berkenaan. Sistem tradisional ini mudah dikikis akibat kemunculan undang-undang baru dan proses pembangunan yang dikendalikan oleh pemerintah negara serta persatuan dan kesatuan komuniti yang lebih besar. Pada ketika ini hak milik dan guna tanah populasi peribumi ini yang sangat bergantung kepada hutan untuk kelangsungan hidup telah dicerobohi dan dihapus sedikit demi sedikit (Rachagan, 1998).

Hutan dan alam semula jadi dalam novel kajian telah digambarkan sebagai satu bentuk penciptaan semula jadi yang indah, menenangkan, terisi dengan keajaiban. Semua ini digambarkan pengarang ini secara terus seperti petikan di bawah:

Bising lotong sahut-menyahut mengimbau dari jauh, dari arah hulu sungai Batang Layar. Di atas, tupai-tupai girang melompat di ranting-ranting, terjun ke cabang pokok embawang. Kemudian pantas berlari berkejaran bila terkejut disergah kedatangan seseorang di bawah. Tupai pun menghilang di dalam rimbunan daun hijau pokok empetir. Terus menikus tidak bunyi-bunyi lagi di sarang di puncak pokok itu. Beberapa ekor monyet lari lintang-pukang melihat gelagat tupai yang lari ketakutan itu. Bising monyet deras mbingitkan hutan hijau dan unggas serta mergastua di situ pantas menyorokkan diri pada tempat yang terlindung. Lalu bising itu semakin menjauh. Kemudian hilang ditelan jarak. Cuma burung tiung, ketupong, gagak rimba dan kenyalang melintas cepat di puncak meranti. Ada juga yang berani melintas laju di bawah. Kemudian menghilang di celah-celah pokok mara bara, bertenggek di akar tenggang yang bergayutan dari dahan pokok merbung berjantai ke bawah, juga di akar basung yang merayap pada perdu pokok mara gantung. Hutan menghijau tidak begitu jelas. Samar-samar.

(Jong Chian Lai, 1990; 2)

Perincian ini menyerlahkan tentang interaksi yang harmonis di antara alam semula jadi yang terdiri daripada flora dan fauna selain alam sekitar fizikal. Gambaran awal tentang keindahan kawasan yang didiami masyarakat peribumi Sarawak sebelum berlaku pencerobohan hutan dan

penyahutan daripada aktiviti pembalakan menyerlahkan tentang erti keindahan sebelum alam semula jadi ini hilang. Gangguan terhadap alam semula jadi ini berlaku ekoran pelanggaran etika alam sekitar dalam satu interaksi yang songsang. Kerakusan aktiviti pembalakan menyebabkan timbul impak terhadap alam sekitar, berbanding interaksi yang diamalkan masyarakat peribumi dengan persekitaran yang mereka diami (Maharam Mamat, 2009a).

Orang Asli atau masyarakat peribumi dikenali sebagai masyarakat yang bergantung hidup kepada hutan dan persekitaran semula jadi luar bandar dengan menjalani kegiatan ekonomi sara diri seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan (Ramle Abdullah, 2008; Ma'rof Redzuan, Zahid Emby. 2008). Kaum Penan telah mengamalkan cara hidup tradisional secara berpindah-randah memburu binatang dan memungut hasil-hasil hutan di pedalaman Borneo. Mereka amat berpengetahuan dan berpengalaman tentang hutan sebagai jiwa dan sumber kehidupan. (Carol Yong Ooi Lin, 2008). Pada mereka, hutan adalah satu-satunya rumah. Tanpanya, mereka akan mati (Rachagan, 1998).

Walaupun penempatan mereka sentiasa berpindah, namun mereka tetap menjalin hubungan erat dengan tanah serta mengekalkan wilayah yang sama untuk generasi berturutan. Biasanya, makanan utama adalah pokok sagu liar. Mutakhir ini, beberapa kelompok kaum Penan telah memilih cara hidup secara tetap dan bercucuk tanam. Sungguhpun begitu, mereka masih bergantung kepada hutan untuk mencari hasil buruan, bahan-bahan untuk membuat kraf tangan dan lain-lain kegunaan (Carol Yong Ooi Lin, 2008). Watak Ungging dalam novel *Pindah* adalah seorang Penan yang 'rajin berhuma, kuat berkebun lada, cekap berburu dan berani pula' (Jong Chian Lai, 1988; 39). Tubuhnya yang tegap membuktikan keupayaannya bekerja. Hutan menjadi punca rezekinya yang lumayan. 'Setiap kali dia turun ke hutan, pasti tidak jauh nasibnya membawa pulang rusa, pelanduk ataupun babi hutan. Kalau berburu waktu siang pasti seekor dua lotong, monyet, seekor dua burung empuna, segayan ataupun imbok terpanggul di bahunya ketika pulang' (Jong Chian Lai, 1988; 75).

Kebanyakan keperluan hidup mereka diperoleh dari hutan dan sungai atau melalui aktiviti pertanian pindah. Bagi mereka 'hutan ni sekolah mereka, binatang, pokok, *lamin*, sungai, gunung, burung dan semua dalam hutan bagi mereka pelajaran' (Jong Chian Lai, 2008; 350). Hutan menyediakan kemudahan 'Tumbuh-tumbuhan hidup subur segar. Burung pun turut membiak. Pokok-pokok semakin membesar; uratnya mencengkam tanah; tanah menapis air hujan yang mengalir ke sungai; ikan pun membiak dan segala-galanya saling bantu-membantu dalam rimba ini.



Along Seg a mempunyai masa hadapan dalam rimba ini!’ (ibid, hal. 347). Nilai hutan kepada masyarakat ini terlalu besar dan diumpamakan sebagai stor makanan. Petikan berikut menyerlahkan tentang kepentingan hutan bagi mereka:

‘Hutan ni...rumah kami, stor makanan, stor pelbagai dan hospital kami. Kalau kami sakit kepala, demam, luka atau dipatuk ular, doktor sentiasa ada dalam hutan ni. Macam di bandar juga. *Nyak kapak awak* seperti *buhau getimang, telikud dan tanan ga*. Kalau nak musnahkan hutan ni, baik juga musnahkan hospital dan kedai kamu pada masa yang sama.’

(Jong Chian Lai, 2008; 346)

Kepentingan hutan kepada masyarakat peribumi memang sangat ketara. Keakraban hidup mereka dengan hutan menjadikan mereka sangat mahir tentang ilmu alam sekitar. Pengaruh hutan terhadap kehidupan mereka sangat kuat. Segala kemahiran berkaitan dunia hutan telah dilatih sejak kecil bagi memenuhi keperluan masa hadapan dalam hidup mereka seperti berburu, meramu dan menangkap ikan. Mereka percaya bahawa segala keperluan dan kebergantungan dengan hutan akan berterusan hingga generasi seterusnya. Mereka menekankan tentang keperluan anak-anak untuk mempelajari segala ilmu memburu dan pengetahuan tentang tumbuh-tumbuhan serta ubat-ubatan. Mereka bukan sahaja menggunakan hasil hutan untuk memenuhi keperluan asas tetapi juga menjualnya untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan yang lain. Mereka menganggap hutan itu penting sebagai pembekal keperluan asas dan kemahiran yang berkait dengan hutan bukan sahaja patut dipelihara tetapi wajar diperturunkan kepada anak-anak mereka. (Ma’Rof Redzuan, Zahid Emby. 2008). Mereka juga beranggapan hutan yang mereka diami akan sentiasa memenuhi keperluan hidup mereka walaupun hakikatnya semua itu akan berubah apabila kawasan hutan mula diceroahi:

‘Selagi Jelu masih ada, katanya, dia belum mati. Selagi tubuh tumbuh segar di hutan, dia tidak lapar. Selagi ikan masih berenang di sungai belum tentu mati menjemputnya,’ Jemat menyindir percakapan orang yang mereka maksudkan itu.

(Jong Chian Lai, 1988; 17)

‘Aku dah lama tinggal dalam hutan ni. Kalau jalan sehari boleh dapat babi hutan, pelanduk dan rusa. Kalau menyelam sejam dapat sepikul ikan. Kalau rajin dapat buah-buahan. Orang yang boleh lapar dalam hutan ni,

tentunya mereka yang telah dipengaruhinya.’ Merah wajah kedua-dua pengikut Brueno Mansel itu.

(Jong Chian Lai, 2008; 251)

Dalam novel *Pindah*, Jong Chian Lai mengutarakan watak Ungging yang menentang pembinaan empangan hidro Batang Ai. Pembinaan empangan akan menenggelamkan kawasan yang luas bergantung kepada kapasiti takungan yang diperlukan. Empangan Hidro Elektik Batang Ai merupakan kawasan empangan yang terbesar di Negeri Sarawak setakat ini yang terletak di Daerah Lubok Antu dalam bahagian Sri Aman. Empangan ini berfungsi membekalkan tenaga elektrik kepada penduduk di Sarawak, menjadi pusat pelancongan dan sumber bekalan air kepada penduduk khususnya di Daerah Lubok Antu dan mengurangkan risiko banjir bagi kawasan berhampiran. Ia dibina pada 1982 dan siap sepenuhnya menjelang tahun 1994 dengan keluasan mencakupi kira-kira 21,000 ekar. Sebanyak 26 buah rumah panjang (kira-kira 418 keluarga) yang terlibat dalam pembinaan ini dipindahkan ke kawasan penempatan semula penduduk. Projek Pembinaan empangan Hidro Batang Ai menelan belanja sebanyak kira-kira RM600 juta dan mampu menghasilkan kira-kira 108 mega wat tenaga elektrik. Kesedaran tentang kemerosotan biodiversity yang akan berlaku apabila empangan ini siap telah diterjemahkan penulis ini seperti berikut:

Pokok bukannya senang hendak dihidupkan lagi. Sampai ke anak cucu-cicit pun payah lihat ia tumbuh menghiжай seperti sekarang. Sekarang haruskah manusia bertanggungjawab duduk goyang kaki mendiamkan diri? Sudah sampai masanya pokok itu terancam. Kehijauannya hilang. Tiadak ada lagi. Malah kering menjadi humas di tanah kuning.

(Jong Chian Lai, 1990; 162)

Untuk tujuan itu, ada kalanya penduduk terpaksa dipindahkan, membawa kerosakan kepada infrastruktur dan kepupusan pelbagai spesies flora dan fauna. Bagi pencinta alam, setiap lokasi itu mempunyai keunikan yang tersendiri, khususnya hutan tropika. Spesies flora dan fauna misalnya, memang boleh dipindahkan ke kawasan lain, namun kewujudannya tidak akan sama dengan lokasi asalnya, bahkan mungkin akan pupus sama sekali (Zaini Ujang. 2009). Teori Darwin menjelaskan bahawa kepelbagaian spesies yang wujud di sesuatu lokasi itu merupakan ekologi yang paling seimbang menerusi suatu hubungan simbiosis setelah mengalami persaingan untuk hidup (*survival of the fittest*). Jika berlaku anjakan atau perubahan, maka keseimbangan ekosistem turut berubah yang akan mengambil masa puluhan tahun untuk sampai ke tahap keseimbangan

yang baru (Zaini Ujang, 2009). Nyatanya masyarakat peribumi mempunyai hubungan yang erat dengan alam sekitar. Mereka cuba berinteraksi sebaiknya dengan persekitaran yang didiami, mengelakkan berlaku kerosakan dan menentang pencerobohan tanpa batasan (Maharam Mamat, 2009a). Masyarakat peribumi perlu bersaing dengan alam yang mereka diami bagi meneruskan kelangsungan hidup, pada masa yang sama, mereka sama-sama menjaganya dengan baik. Ini turut dibantu dengan amalan, anutan dan kepercayaan animisme yang mereka anuti.

### **Persaingan antara Masyarakat Peribumi dan Tuhan atau Kuasa Supernatural**

Masyarakat peribumi tinggal di kawasan persekitaran hutan dan masih kuat berpegang kepada nilai dan kepercayaan tentang alam sekitar yang menjadi sumber serta panduan dalam kehidupan mereka. Hutan dan alam semula jadi ini bukan sahaja mempengaruhi cara hidup, tetapi juga mempengaruhi nilai, kepercayaan dan norma. Bagi mereka, hutan bukan sahaja didiami haiwan dan manusia tetapi juga makhluk lain yang dapat mempengaruhi kehidupan mereka (Ma'rof Redzuan, Zahid Emby, 2008).

Alam peribumi mengandungi pelbagai jenis semangat, selain semangat cintakan bumi itu sendiri. Di bumi ini sendiri terkandung segala tumbuhan, termasuk pokok-pokok yang menghiasinya beratus tahun. Oleh itu timbul seolah-olah di antara peribumi dan alam terdapat piagam atau kontrak yang termaktub dalam tradisi lisan peribumi. Sejak kecil, mereka telah ditanamkan dengan unsur-unsur yang terhimpun sebagai perjanjian dengan alam yang membekalkan rezekinya. Rezeki itu ada pada alam sekelilingnya dan dilihat sebagai sebahagian daripada diri mereka. Perjanjian dengan alam juga melibatkan falsafah yang khusus terhadap fauna. Kesenambungan alam fauna dengan manusia dipertahankan pada peringkat simbolik kerana fauna itu ada manifestasi manusianya. Maka ia tidak wajar dibunuh. Haiwan-haiwan tertentu dibunuh kerana dagingnya diperlukan untuk menyara hidup. (Hood Salleh, 2004).

*Suara dari Rimba* (2008) telah menyatakan falsafah alam yang besar dalam bentuk perumpamaan. Dari sudut alam sekitar, kepercayaan dan pegangan masyarakat peribumi ini akan mendorong mereka berinteraksi secara harmonis dengan alam semula jadi berasaskan keyakinan bahawa interaksi yang tidak beretika dengan alam akan mengakibatkan kemarahan kuasa tuhan yang mereka sembah (Maharam Mamat, 2009a). Ini dijelaskan melalui petikan berikut:

Tanah ni juga dicipta Tuhan dan tak tahu bercakap dengan manusia. Binatang pun begitu, tak boleh bercakap sesama sendiri dan kami tak faham bahasa binatang itu. Kalau pokok ditumbang, ada getah keluar; itu darahnya. Tanah ni macam mak dan bapak kami. Kalau perintah bagi kuasa pada kompeni untuk mencero boh kawasan ni, baik saja kepala kami dipancung. Kalau traktor musnahkan tanah ni, awak nampak darah dan tulang-temulangnya sekalipun ia tak boleh bercakap. Ada kuli yang pecah kepala, patah tulang. Awak tentu faham. Tanah ni yang marah. Ia menjerit, ‘Jangan bunuh aku!’ James Rich begitu pantas menukar kaset yang habis dengan yang baharu.

(Jong Chian Lai, 2008; 343)

Masyarakat peribumi memanfaatkan pelbagai jenis flora dan fauna, serta benda-benda bukan hidup dan segala macam unsur alam yang lain seperti bunyi-bunyian hidupan hutan, kilat, guruh dan hujan sebagai simbol yang membawa erti dalam kehidupan seharian mereka (Hanina H. Hamsan, Asnarulkhadi Abu Samah. 2008). Kepelbagaian unsur ini banyak menentukan corak hidup seharian mereka. Tindak tanduk haiwan seperti ‘burung helang yang tiba-tiba terbang dengan riuhnya kerana takutkan sesuatu itu menunjukkan tanda-tanda buruk’ (Jong Chian Lai, 1990;171) , mempunyai makna yang tersendiri seperti dinyatakan dalam petikan di bawah:

Seekor burung helang terbang cepat dari dahan engkabang. Bunyinya agak kuat. Burung itu takutkan sesuatu. Dan Jabau merasa itu tanda-tanda yang tidak baik buatnya. Hatinya mula risau. Terasa ada sesuatu berlaku di Nanga Tiga. Tapi dia meneruskan kerjanya juga. Tidak mengendahkan langsung tanda-tanda itu. Tapi tentu ada kebenarannya, fikir Jabau. Darahnya naik gemuruh. Hatinya tidak sedap. Jabau berhenti mengikat rotan pada buluh di atas bumbung. Kemudian dia melingkas-lingas ke hujung anak sungai kecil itu. Tidak kelihatan apa-apa yang ganjil.

(Jong Chian Lai, 1990; 168)

Dan hidungnya mula tercium sesuatu yang kurang sedap. Darah manusia, fikirnya sambil memerhatikan kelilingnya dengan mata yang tajam. Lagipun burung ketupong belum bersiul dua kali ketika bersama bininya Selalong tadi. Dia tidak mahu melanggar pantang datuk neneknya. Kalau burung ketupong itu tidak bersiul sekali lagi, dia mesti

balik ke rumah panjang. Dia tahu siul sekali burung itu membawa sial.

(Jong Chian Lai, 1990; 24)

Masyarakat Lun Bawang dalam *Anak Ruma' Kadang* (2007) mempercayai banyak pantang larang dan kepercayaan berkaitan dengan alam sekitar. Mereka perlu memohon izin dan restu daripada alam roh sebelum memulakan sebarang bentuk pekerjaan seperti menebas dan membersihkan kawasan pertanian baru (halaman 59). Mereka sangat percaya bahawa roh atau makhluk halus yang menjaga sesuatu tempat akan menjelma menjadi burung *mengei*, ular atau *talau* yang dianggap sebagai perantara antara dunia ghaib dan manusia. Sekiranya mereka terserempak dengan ular semasa memulakan pekerjaan, mereka perlu menghentikan pekerjaan tersebut kerana dipercayai tidak mendapat restu daripada alam roh. Sekiranya mereka tetap berkeras meneruskan pekerjaan itu dikhuatiri mereka akan mendapat bala atau kesukaran (halaman 62) (Maharam Mamat, 2009d).

Masyarakat peribumi juga sangat mempercayai mimpi. Mimpi berperanan sebagai petanda atau alamat yang akan menentukan corak kehidupan mereka pada masa hadapan. Jais Sahok dalam *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001) telah mengetengahkan mimpi Emak bertemu dengan orang tua berjanggut putih yang panjang (halaman 54, 55 dan 56) ketika melahirkan anak ketiganya. Keenganan Emak untuk mengikut arahan seperti dalam mimpinya menyebabkan dia keguguran.

Masyarakat Penan merasa sangat kecewa, marah dan takut dengan kesan pembangunan yang berlangsung. Perasaan berkenaan wujud setelah mereka kehilangan sumber kekayaan daripada persekitaran semula jadi yang pernah dimiliki sebelum ini. Lebih-lebih lagi apabila hasil program yang dilaksanakan tidak boleh dijadikan sebagai ganti kepada kehilangan sumber kekayaan berkenaan. Mereka juga takut kerosakan persekitaran akan menimbulkan kemarahan kuasa supernatural (Tuhan). Sungguhpun mempercayai biodiversiti daripada persekitaran semula jadi dijadikan Tuhan untuk kegunaan dan kemudahan manusia, tetapi pada masa yang sama Tuhan melarang penggunaannya secara berlebihan sehingga mengakibatkan kemusnahan. Mereka percaya bahawa manusia yang melanggar larangan akan dicela (dihukum), iaitu mereka akan diturunkan petaka alam seperti ribut, banjir dan mungkin juga penyakit yang begitu menyiksakan dan boleh membawa kematian. Walaupun kesalahan berkenaan dilakukan oleh masyarakat luar, tetapi kebimbangan mereka terhadap petaka yang diturunkan Tuhan turut menimpa kaum mereka (Ramle Abdullah, 2008). Keenganan Apai Kertau sebagai Tuai rumah panjang menghentikan pembalakan di kawasan mereka walaupun didesak

oleh Jabau dikatakan menjadi punca kemarahan penunggu hutan. Sekalipun upacara miring telah dilakukan agar perkara tersebut tidak berlaku, Atot telah menjadi mangsa apabila dihempap batang balak yang tumbang. Kejadian ini mengembirakan Jabau yang memperjuangkan kehijauan hutan yang mereka diami (Maharam Mamat, 2009a).

Melanggar pantang larang akan mengakibatkan malapetaka (kecelakaan) seperti sakit, cedera dan mati. Hutan akan menjadi dispensari yang membekalkan ubat-ubatan kepada mereka. Sumber alam semula jadi yang digunakan sebagai ubat diperoleh daripada daun, akar dan buah-buahan tumbuhan semula jadi (Hanina H. Hamsan, Asnarulkhadi Abu Samah, 2008). Mereka percaya bahawa 'Hutan ini hantu hutan yang punya. Dan tanah ini hantu tanah yang punya. Bukan hak orang hutan. Kami tak 'kan tolol serah begitu. Kalau orang hutan 'ndak sangat, bunuh kami semua dulu.' (Jong Chian Lai, 1990; 40). Kesukaran yang dialami di kawasan yang mereka diami berpunca daripada 'tiada restu' daripada dewa menyebabkan 'tanaman mereka didatangi penyakit sepanjang tahun' (ibid; 38). Situasi itu disebabkan 'dewa marah' sehingga mereka semua mendapat susah kerana 'ditegur dewa' (ibid; 199). Kepercayaan sebegini mendorong mereka berinteraksi secara berhemah dengan persekitaran, tidak merosakkan alam dan menggunakan sumber alam secara wajar (Maharam Mamat, 2009d).

Ketakutan terhadap kuasa-kuasa alam ini juga mendorong mereka melakukan pelbagai bentuk upacara dan amalan tradisional seperti miring yang bermaksud menjauhi bala dan memohon perlindungan daripada roh, dewa atau tuhan (Maharam Mamat, 2009a). Upacara sebegini dilakukan apabila mereka masuk ke rumah baru, memulakan apa-apa pekerjaan dan memohon keizinan roh atau dewa dalam upacara tolak bala. Upacara miring ini telah dikemukakan pengarang ini secara terperinci dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (halaman 141 hingga halaman 154). Novel yang sama juga turut memaparkan tentang beberapa perkara lain yang melibatkan kepercayaan masyarakat peribumi seperti kepercayaan meletakkan patung berupa kepala manusia di tangga rumah dapat menghalau hantu (halaman 45 dan 79) dan menghormati keputusan Tuai Rumah sebagai peneraju adat (halaman 77). Rumah panjang juga perlu didirikan mengikut adat, pantang larang dan dibacakan mantera tertentu semasa proses membinanya bagi mengelakkan berlaku perkara yang tidak diingini (Maharam Mamat, 2009a).

Novel *Libau Rentap Rimba* (2008) telah mengetengahkan bagaimana upacara Gawai Kenyalang disambut dalam masyarakat Iban Sekrang yang diketuai oleh Libau. Libau telah mengadakan sambutan Gawai Kenyalang untuk meraikan kemenangannya semasa menentang

Brooke, mensyukuri dengan perlindungan para petara alam dan kuasa sakti dari kayangan terutama semasa peperangan, dan memohon agar para hadirin sentiasa diberkati, sihat dan dilanjutkan usia (halaman 49). Ini diperincikan pengarang seperti berikut:

Sebaik saja kumpulan terakhirnya duduk jenuh di ruai, Libau berdiri di tengah-tengah bala tetamu undangannya untuk menyampaikan jampi manteranya memberi berkat kepada hadirin. Manang Usai menyerahkan seekor ayam berbulu putih kepada Libau untuk upacara *bebiau*. Di antara nama-nama orang alam kayangan yang dipanggilnya ialah Keling Gerasi Nading Bujang, Berani Kempang, Sempurai Bunga Nuing, Laja Bunga Jawa, Kumang, Indai Abang, Lulong dan lain-lainnya. Dia minta mereka datang bertamu menjamu selera bersamanya sambil untuk meraikan majlis Gawai Kenyalang dia yang pertama itu. Gawai itu antara lain untuk meraikan kemenangannya ke atas Rajah tempoh hari. Gawai itu juga adalah tanda terima kasihnya kepada tetamu spiritualnya itu kerana telah melindunginya daripada segala malapetaka selama ini khususnya dalam peperangan. Dia minta mereka memberkati para tetamunya dan sekalian yang hadir ke majlis yang gilang gemilang itu. Semoga mereka sihat dan dilanjutkan usia.

(Harry Usup Umbar, 2008; 49)

Animisme mempercayai dan menghormati alam sebagai sebahagian daripada tugas manusia yang diamanahkan untuk menjaganya kerana kehidupan mereka hampir sepenuhnya diabdikan kepada alam semula jadi. Walaupun mereka terdedah kepada alam semula jadi secara terus, tetapi mereka tidak mengetahui tentangnya secara saintifik, menyebabkan mereka takut terhadap perkara-perkara yang tidak diketahui. Kejahilan ini mencetuskan pelbagai kepercayaan dalam masyarakat mereka terhadap kepelbagaian fenomena alam semula jadi (Mashitoh, 1999). Kepercayaan terhadap animisme secara total telah diketengahkan Jong Chian Lai dalam *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* pada halaman 142, 154, 155, 171, 173, 199 dan 205 (Maharam, Mashitoh, 2002).

Salah satu perkara yang sangat dihormati dalam masyarakat peribumi adalah kawasan perkuburan. Apabila kawasan perkuburan nenek moyang diganggu, ini menimbulkan kemarahan mereka. Terdapat beberapa kes di negeri Sarawak yang melibatkan pengambilalihan tanah termasuk tanah perkuburan masyarakat peribumi untuk pelbagai projek

pembangunan seperti pertanian dan pembinaan empangan. Bagi masyarakat-masyarakat adat, kawasan-kawasan di bawah hak adat merangkumi semua kawasan di mana hak diperoleh mengikut undang-undang adat. Ia termasuk tanah ladang dan kebun, tapak perkuburan, kawasan keramat moyang, hutan simpan masyarakat dan hutan sekeliling yang digunakan untuk kelanjutan kegiatan-kegiatan sara hidup dan perluasan masa depan (Maharam Mamat, 2009a). Tafsiran yang sempit mengenai hak-hak adat oleh kerajaan Sarawak juga bertentangan dengan keputusan berulang mahkamah-mahkamah di Sarawak dan Malaysia yang menyokong fahaman tentang hak-hak adat yang lebih luas, dan undang-undang antarabangsa serta piawai RSPO (Carol Yong Ooi Lin, 2008).

Kerajaan Sarawak telah mengeluarkan surat pajak sementara merangkumi tanah-tanah hak adat Masyarakat Dayak Iban Sungai Apun di kawasan Sungai Bong, Teru, Tinjar untuk pembangunan perladangan kelapa sawit. Sebanyak lima perkampungan Iban terjejas melibatkan sejumlah 450 hektar telah diambil alih. Kawasan ini terdiri dari kawasan pertanian peribumi yang mengandungi pokok getah dan pokok buah-buahan. Kemusnahan tersebut juga melibatkan kawasan tapak perkuburan nenek moyang mereka. Masyarakat Dayak Iban di Selezu, Sepadok dan Setulai pula telah mengamalkan pertanian campuran dan hidup dengan bercucuk tanam, bertani pindah-randah dan bertanam sedikit-sedikit tanaman jualan seperti getah, buah-buahan dan lada hitam. Apabila ladang kelapa sawit telah dibuka hingga melangkaui kawasan pertanian mereka termasuk sumber sungai, semuanya (tanaman-tanaman, sungai, tapak perkuburan dan tanah ladang) telah musnah. Hal yang sama telah berlaku terhadap masyarakat Dayak Bidayuh di Kendaie, Pasir Hilir dan Pasir Hilir Tengah yang telah lama mendiami kawasan ini. Mereka yakin bahawa tanah yang mereka diami dan kerjakan adalah hak NCR berdasarkan jangka masa tersebut mengikut tafsiran dalam peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Sarawak (Cap.81). Di kawasan perempatan mereka juga terdapat tapak perkuburan yang berusia enam keturunan nenek moyang mereka dikebumikan di sini iaitu Abeng anak Sinsen, Noren anak Metu, Metu anak Gulang, Budang, Jarari anak Metu dan Mitir anak Juat. Mereka menandakan kawasan tersebut seperti adat resam mereka, dengan tapak perkuburan, pokok engkabang, pokok buah-buahan dan getah, yang kemudiannya semua tanda-tanda itu telah ditolak oleh jentolak syarikat (Carol Yong Ooi Lin, 2008).

Meluasnya kejadian pengambilalihan kawasan perkuburan masyarakat peribumi yang dimusnahkan kerana urusan pemodenan dan pembangunan memberi peluang kepada Jong Chian Lai menyuarakan kebimbangan berkenaannya dalam novel *Suara dari Rimba* (2008), walaupun dialog ‘apa guna ambil gambar di sini. Bagus lagi ambil gambar



hutan yang musnah, kawasan kubur yang dibuat jalan balak’ ‘(Jong Chian Lai, 2008; 332) hanyalah satu ucapan sinis daripada penghuni rimba kepada seorang wartawan berpengaruh seperti James Rich (Maharam, 2009d). Hutan tropikal di Malaysia sepatutnya lebih dihargai dan dijaga dengan cermat kerana kepentingannya sebagai sumber air, sumber kepelbagaian biologi dan pengimbang suhu daratan. Ini termasuklah membangunkan sumber kekayaan yang lestari daripada produk hutan seperti produk herba dan ubat-ubatan, aktiviti ekopelancongan dan biopenerokaan. Teras pembangunan hutan ialah pemuliharaan, penggunaan produk hutan dan kawasan tadahan yang diuruskan secara lestari, bukannya melakukan penerokaan tanpa batasan (Zaini Ujang, 2009).

## **Kesimpulan**

Penelitian terhadap novel-novel yang dihasilkan penulis Sarawak menyaksikan satu hubungan yang erat antara karya sastera dan alam sekitar. Penulis-penulis ini tidak sahaja menyisipkan alam sekitar dalam karya mereka sebagai antara unsur estetika semata-mata, tetapi berjaya menyerlahkan wujudnya interaksi antara karya dan alam sekitar itu sendiri. Alam sekitar tidak dilihat dalam satu bentuk yang sempit sekadar flora, fauna dan alam sekitar fizikal, tetapi juga mendalami interaksi yang wujud antara semua unsur alam sekitar, termasuk persaingan antara spesies.

Berdasarkan analisis terhadap beberapa buah novel dihasilkan penulis Sarawak terpilih, didapati terdapat interaksi yang kuat antara karya dan alam sekitar dari sudut interaksi antara spesies. Persaingan interspesies yang hanya menganalisis persaingan antara manusia dan manusia mendapati bahawa persaingan antara masyarakat peribumi dan masyarakat luar, persaingan antara penjajah dan masyarakat tempatan antara isu yang sangat kerap dibincangkan dalam novel-novel kajian. Penulis sangat cenderung untuk mengembalikan semula nostalgia semasa zaman penjajahan British dan Brooke dalam novel mereka. Tokoh-tokoh tempatan, pahlawan kaum tertentu seperti Rentap dan pembesar Melayu yang pernah tertulis dalam sejarah negeri Sarawak telah dihidupkan semula dalam karya. Ini menyerlahkan tentang wujudnya persaingan antara penjajah dan masyarakat tempatan yang berjuang untuk mempertahankan negeri Sarawak.

Persaingan interspesies juga berlaku antara masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan yang lain (bukan peribumi). Masyarakat peribumi termasuk Penan digambarkan terpaksa bersaing dengan masyarakat luar untuk meneruskan kehidupan mereka apabila sumber alam telah diketepikan sedikit demi sedikit. Masyarakat luar dianggap sebagai

penceroboh kawasan hutan yang cuba merosakkan alam dan persekitaran apabila aktiviti pembalakan (termasuk pembalakan haram) dijalankan dengan giat tanpa menghiraukan kelestarian alam. Persaingan yang berlaku antara masyarakat peribumi dan masyarakat luar tidak memihak langsung kepada masyarakat peribumi yang hidup serba kekurangan sama ada dari segi material, teknologi, kuasa politik ataupun pengaruh. Mereka akhirnya terpaksa berpindah jauh ke dalam hutan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Persaingan intraspesies pula berlaku dengan hebat antara manusia dan alam serta melibatkan masyarakat peribumi dan kuasa supernatural. Penjajah melihat alam sebagai sumber yang boleh mendatangkan keuntungan. Apabila bahan mineral seperti emas dan bauksit ditemui di Sarawak, penjajah telah mengeksploitasi sumber berkenaan dan mengaut sumber kekayaan itu untuk kekayaan mereka. Ini menyebabkan Brooke dan British membawa masuk buruh kasar dari China sebagai pelombong. Aktiviti melombong telah dilakukan dengan rakus tanpa menghiraukan alam semula jadi. Semua hasil bumi ini juga telah dibawa balik ke negara mereka tanpa memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

Persaingan intraspesies juga melibatkan persaingan antara masyarakat peribumi dan kuasa supernatural yang sangat berperanan dalam kehidupan mereka. Persaingan jenis ini didapati hadir dengan kerap dalam sebahagian besar novel, walaupun novel berkenaan tidak bertemakan tentang hal ini sepenuhnya. Paparan tentang kuasa supernatural ini telah diketengahkan dari sudut budaya dan kepercayaan masyarakat peribumi dalam setiap cara gaya hidup mereka. Ia lebih bersifat kepercayaan, amalan dan anutan. Berdasarkan situasi ini, masyarakat peribumi telah berinteraksi secara berhemah dengan alam dan persekitaran. Mereka sangat taat dengan kepercayaan dan amalan sejak turun temurun, yang menyebabkan timbul rasa takut, patuh dan percaya bahawa kehidupan mereka akan dilindungi oleh para dewa apabila menghormati alam sekitar. Sekiranya berlaku pelanggaran pantang larang, mereka percaya para dewa dan jubata akan marah dan menurunkan bala seperti sakit, kematian, banjir, tanaman yang tidak menjadi dan sebagainya. Jadi, mereka perlu memohon ampun melalui upacara dan ritual tertentu seperti miring dan menyediakan pelbagai bentuk sembahsan seperti ayam jantan, bertih jagung, membaca mantera dan sebagainya. Rasa hormat dan takut menyebabkan masyarakat peribumi berinteraksi sebaiknya dengan alam, mereka tidak mengeksploitasi alam, sebaliknya menggunakan sumber alam secara berhemah.

Berdasarkan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat peribumi berhadapan dengan dua konflik dalam interaksi hidup mereka,

iaitu bersaing dengan masyarakat luar yang lebih maju dan cuba mengeksploitasi sumber alam dan bersaing dengan kuasa supernatural. Dalam kedua-dua persaingan ini, masyarakat peribumi telah tersingkir dan berada pada pihak yang kalah. Persaingan dengan masyarakat luar menyebabkan masyarakat peribumi terpaksa melarikan diri jauh ke dalam hutan, manakala persaingan dengan kuasa supernatural pula menyaksikan yang mereka sentiasa berada dalam ketakutan dalam setiap tindak tanduk dan kehidupan seharian. Walaupun begitu, ketakutan ini telah menyebabkan mereka berinteraksi secara berhemah dengan alam. Ini sangat berbeza dengan penjajah dan orang luar yang mengeksploitasi sumber alam kerana nilai ekonomi.

### **Bibliografi**

- Abdul Aziz Bari. 2001. *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas Dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nidzammuddin Sulaiman. 1994. *Pakatan dalam Politik Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bala, Bilcher 1993. 'Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang di Sarawak' dlm. *JEBAT*, bil 21, 1993, hal. 21-54.
- Carol Yong Ooi Lin (ptjmh).. 2008. *Tanah Menyara Hidup: Hak-Hak Tanah dan Pengembangan Perladangan Kelapa Sawit di Sarawak*. Oleh Marcus Colchester, Wee Aik Pang, Wong Meng Chuo dan Thomas Jalong, Tanpa Penerbit: Forest Peoples Programme dan Perkumpulan Sawit Watch.
- Harry Usup Umbar. 2008. *Libau Rentap Rimba*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanina H. Hamsan, Asnarulkhadi Abu Samah. 2008. Kesihatan dan Perubatan Masyarakat Orang Asli. Ma'Rof Redzuan, Sarjit S. Gill. *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hood Salleh. 2004. *Dunia Pribumi dan Alam Sekitar: langkah ke hadapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hood Salleh. 2008. 'Perubahan Iklim dan Warga Peribumi: Wacana Si Awang Pangan' dlm. *Syarahannya Pemikiran Bangi: Alam Sekitar dan Pembangunan*. Bangi: Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Boi. 2006. *Sumpah Anak Bumi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaya Ramba. 2002. *Sempadan Dendam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jais Sahok. 2001. *Jagung Pulut Pusaka Moyang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jong Chian Lai. 1988. *Pindah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai. 1990. *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai. 1994. *Pemberontakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian lai. 2006. 'Pengalaman dalam Bidang Penulisan Novel' dlm. *Sastera kebangsaan Wadah Pengucapan Bersama*. Hamzah Hamdani (editor). Kuala Lumpur: Gapenaniaga Sdn. Bhd.
- Jong Chian Lai. 2008. *Suara Dari Rimba*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamaruddin, Maharam Mamat. 2002. Perspektif Alam Sekitar Menurut Falsafah Islam dalam Novel *Hidayah* dan *Di Sebalik Sebuah Kubah: Satu Analisis Awal* dlm. Prosiding Simposium kebudayaan Indonesia-Malaysia ke 8, anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, di UKM pada 8-10 Oktober 2002.
- Kamus Dewan*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Indonesia*. 2008. Jakarta: Pusat Bahasa, Jabatan Pendidikan Nasional.
- Katiman Rostam & Asmah Ahmad. 2006. *Penilaian dan Pengurusan Sumber Alam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ma'Rof Redzuan, Abdul Razak Abd. Rahman. 2008. 'Integrasi Orang Asli dalam masyarakat Arus Perdana'. Ma'Rof Redzuan, Sarjit S. Gill. *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ma'Rof Redzuan, Mohd Taufiq Mahmud. 2008. Orang Asli: Ekonomi Pasaran dan Konsumerisme. Ma'Rof Redzuan, Sarjit S. Gill. *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ma'Rof Redzuan, Zahid Emby. 2008. Orang Asli: Pembangunan dan Ekologi Hutan. Ma'Rof Redzuan, Sarjit S. Gill. *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Maharam Mamat, Mashitoh Yaacob. 2002. 'Isu-isu Alam Sekitar dalam Novel Malaysia' dlm. Kertas kerja Kolokium Antarabangsa Bahasa dan Pemikiran Melayu-Indonesia ke-3 di Universiti Prince of Songkla, Pattani, anjuran Universiti Prince of Songkla dan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia pada 4-7 Mei 2002.
- Maharam Mamat. 2002. 'Elemen Alam Sekitar dalam Novel-novel Malaysia Pilihan' dlm. Persidangan antarabangsa Pengajian Melayu Beijing ke-2 di Beijing China, anjuran UPSI, DBP dan Universiti Peking pada 8-15 Oktober 2002.

- Maharam Mamat. 2005. 'Isu-Isu Alam Sekitar dalam Sastera: Analisis Novel Ramlee Awang Murshid' dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15, h. 86-120.
- Maharam Mamat. 2009a. 'Interaksi Masyarakat Peribumi dan Alam Sekitar: Satu Kajian Etika dalam Novel Jong Chian Lai' dlm prosiding Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia, (SKIM-XI) di Padjadajaran, Bandung pada 10-12 November 2009, anjuran UKM dan Universitas Padjadajaran.
- Maharam Mamat. 2009b. 'Prinsip Pembangunan Mampan' dlm. novel *Desir Angin di Pergunungan* dlm *Jurnal MALIM, Jil. 10, hal. 209-236*.
- Maharam Mamat. 2009c. 'Impak Modenisasi Terhadap Alam Sekitar: Penelitian Beberapa Buah Novel Penulis Sarawak' dlm. prosiding Konferensi Antaruniversiti Se Borneo-Kalimantan ke 5, di UNIMAS, Kota Kinabalu, Sabah pada 16-17 Jun 2009.
- Maharam Mamat. 2009d. 'Impak Modenisasi Terhadap Alam Sekitar: Penelitian Beberapa Buah Novel Penulis Sarawak' dlm. *Jurnal e-Utama*, vol.2, hal.81-107.
- Mashitoh Yaacob. 1998-1999. 'Kajian Sudut Pandangan Falsafah Alam Sekitar Terhadap Kumpulan Cerpen Mutakhir Tiga Penulis Wanita' dlm. *Buletin Pusat Pengajian Umum*, bil 1(1). Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mashitoh Yaacob. 1999. *Falsafah Alam Sekitar*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Faizal Jamil. 2007. *Katarsis Perjuangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustaffa Omar. 2008. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan cabaran. Ma'Rof Redzuan, Sarjit S. Gill., *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Odum, E.O. 1983. *Basic Ecology*. Japan: Holt-Saunders.
- Rachagan, S.Sothi. 1998. *Sustainable Forest Management In Malaysia - Guidelines For Conflict Resolution*, Institute for Global Environmental Strategies (IGES) di <http://enviroscope.iges.or.jp/modules/envirolib/upload/1504/attach/ir98-2-9.pdf> pada 1 Oct. 2009.
- Ramle Abdullah. 2008. 'Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu', Ma'Rof Redzuan, Sarjit S. Gill. *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sarimah Alit. 2007. *Naluri Hidayah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Subramaniam, Yogeswaran. 2007. *Hak-hak Antarabangsa Orang-orang Asal: Perkembangan, Kemajuan & Kemosotan*. Subang Jaya: Center For Orang Asli Concerns.
- SUHAKAM. 2002. *Laporan Aduan dan Siasatan: Hak Masyarakat Asli Sarawak*. Kuala Lumpur: SUHAKAM.
- Wildan Yatim. 2007. *Kamus Biologi*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- World Commission on Environment and Development (WCED). 1987. *Our Common Future*. Oxford: Oxford University Press.
- World Bank. 1992. *World Development Report 1992: Development and the Environment*. New York: Oxford University Press.
- Zaini Ujang. 2009. *Minda Lestari: Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Johor: Penerbit Universiti teknologi Malaysia.